

TERAPI ALAM SEKITAR

RIMAS BERADA DALAM HUTAN KONKRIT! TERINGIN RASANYA MEMBAWA DIRI JAUH KE DALAM RUANG PENUH KEDAMAIAAN. TETAPI PERJALANAN YANG PANJANG JUGA BISA MEMENATKAN BADAN DAN MENAMBAH KELETIHAN YANG SEDIA ADA. PERSINGGAHAN PALING HAMPİR DENGAN IBU KOTA TETAPI JAUH DARI HIRUK-PIKUKNYA MEMBAWA PENULIS KE THE CLUB, SAUJANA RESORT KUALA LUMPUR. DISAMBUH KEHIJAUAN ALAM MEREDUPKAN PANDANGAN DARIPADA SINAR MATAHARI SEGALAH TINGGI.

PENULIS: ANIS NOR FOTO: AHMAD SHAHIR OSMAN



Kunjungan penulis ke sini membawa hajat mengintai perkhidmatan di The Spa. Sebuah lokasi sunyi dari awal kaki melangkah sudah hampir pasti memberi kedamaian yang penulis cari. Tiba di ruang legar The Spa, haruman serai menusuk lembut ke hidung. Ramah kakitangan menyambut kehadiran kami dan sementeloh menanti temu janji, kami dihidangkan secawan minuman panas dengan resipi istimewa. Ekor mata masih liar melihat keadaan dalam The Spa yang menempatkan lapan buah spa villa.

RUANG

Alam semula jadi dan kehijauan hutan dalam bandar saling berkait untuk memberi ketenangan kepada manusia. Dalam kesibukan menguruskan kerja dan keluarga, The Spa menawarkan suasana yang selesa dan mendamaikan. Melihat kepada persekitaran nan permai, perjalanan penulis melalui setiap sudut di sini cukup menyeronokkan bermula dengan ruang rawatan yang berada di luar lobi utama The Spa.

Berjabat mesra dengan kehijauan tumbuh-tumbuhan serta nyanyian kecil burung di sepanjang laluan ke suite rawatan membuatkan kami terus teruja. Sebuah bilik besar menempatkan dua buah katil ini amat sesuai untuk pasangan yang ingin mendapatkan rawatan. Sebuah tab mandi diperbuat daripada batu gunung berapi menjemput anda jauh ke sudut yang lebih selesa. Bagaikan merasai tekanan mula meninggalkan tubuh sebaik rebah dalam rendaman diperbuat dari batu gunung berapi, aromaterapi perlahan-lahan mulai singgah dan melampiaskan ketenangan.

Malah, anda juga boleh mengadakan sesi rawatan bersama beberapa orang rakan di dalam suite ini. Sambil menanti dua orang teman menjalani urutan, anda dan teman lain boleh mendapatkan rawatan kuku dan tangan sambil mata merenung jauh ke luar jendela, menghadirkan pemandangan ketenangan. Begitu juga yang akan anda alami saat menghempas tubuh pada katil rawatan perseorangan dari US-based Living Earth Craft, pilihan untuk spa dan resort terbaik dunia.



PILIHAN ALAMI

Menempatkan sebuah fitness centre berhadapan kolam air tenang menjadi terapi buat tubuh yang memerlukan tenaga dalaman. Baik sebelum atau selepas mendapatkan rawatan, ruang gimnasium kecil ini boleh digunakan pengunjung The Spa. Berbicara soal rawatan, penulis rangkakan pilihan yang ditawarkan The Spa amat eksklusif.

The Spa menawarkan pelbagai urutan *signature* termasuk The Saujana, Ancient Balinese, Tibetan Hot Stone, Indian Warm Oil dan Thai Style Foot Reflexology. Setiap satu teknik urutan ini pastinya memberikan anda pengalaman yang berbeza dan kesegaran setiap kali usai rawatan. Tibetan Hot Stone misalnya menggunakan batu sungai panas bagi menyalurkan ketenangan dari dalam, melepaskan tekanan dan mengurangkan tekanan pada otot.

Tidak cukup rasanya andai setiap rawatan dinyatakan di sini kerana tawaran yang diberikan The Spa cukup mengujakan. Seharian berada di sini tentu membuatkan anda tidak mahu pulang. Pakej rawatan dari hujung kaki ke hujung rambut dengan harga berpatutan membuatkan penulis akan ke sini lagi. Bagi anda yang ingin merasai rawatan spa sambil ditemani kehijauan alam semula jadi, bawalah diri ke sini dan tinggalkan kesesakan kota raya. Hanya 30 minit dari Kuala Lumpur, persinggahan anda ke The Spa, The Club Saujana Resort mampu melenyapkan keletihan.

Dibuka setiap hari, The Spa beroperasi setiap Isnin hingga Khamis bermula jam 12 tengah hari sehingga 10 malam manakala Jumaat hingga Ahad, The Spa mula beroperasi jam 10 pagi sehingga 10 malam. The Spa turut menawarkan rawatan lain seperti *ultimate head to toe mineral indulgence package, tropical fruit skin polish, timeless-anti wrinkle facial, uplifting floral bath* dan banyak lagi.



PERADUAN

Jawab soalan berikut dan lengkapkan slogan yang diberikan. Jawapan tepat berserta slogan yang kreatif berpeluang memenangi bawcar rawatan mineral di The Spa, The Club Saujana Resort!

Namakan 3 jenis rawatan urutan badan yang ada di The Spa.

Lengkapkan slogan "Saya memilih majalah Nona sebagai majalah pilihan kerana (tidak lebih daripada 20 patah perkataan)

NAMA : _____
ALAMAT : _____
NO TELEFON : _____
NRIC : _____
EMEL : _____

Hantarkan penyertaan kepada:
PERADUAN NONA/THE SPA, THE CLUB SAUJANA RESORT
MAJALAH NONA, NO 1, JALAN RENGAM 15/5
SEKSYEN 15, 40200 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
TARIKH TUTUP: 31 OKTOBER 2015